

06/10/2002

Bahaya Melayu Malaysia terpinggir seperti Melayu di Singapura

Munshi

HAMPIR semua akhbar perdana melaporkan peringatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa orang Melayu di negara ini mungkin menjadi kumpulan minoriti seperti Melayu Singapura jika terus bersengketa sesama sendiri, tidak menguasai ilmu dan enggan bekerja dengan tekun. Kemungkinan itu, kata beliau, tidak mustahil berlaku kerana orang Melayu di Malaysia nyaris menjadi minoriti pada 1930 apabila pendatang dari China dan India di bawa oleh penjajah British beramai-ramai untuk merebut peluang pekerjaan di negara ini.

MUNSHI: Orang Melayu Singapura bukan hanya menjadi minoriti malah terus dipinggirkan dan jika boleh pelbagai helah dibuat agar mereka berhijrah. Terakhir isu NEWater, air kumbahan dikitar semula yang akan mula disalurkan ke semua rumah pada Februari 2003. Ramai yang ragu kesuciannya.

Memang benar, seperti kata Dr Mahathir, pemimpin Melayu Singapura suka berbangga kononnya Melayu di republik itu lebih maju daripada rakan mereka di Malaysia, tetapi berapa ramai setiausaha di jabatan kerajaan dan begitu juga jeneral Melayu dalam angkatan bersenjata Singapura. Paling tinggi pun pangkat Melayu adalah Leftenan Kolonel saja. Apatah lagi kesetiaan penduduk Melayu amat dicurigai oleh pemimpin PAP terutama Lee Kuan Yew.

Akhbar The Straits Times online, 3 Oktober lalu, pula melaporkan Singapura melonggarkan lagi syarat visa bagi pelawat dari China untuk memudahkan mereka membuka perniagaan dan berkunjung ke Singapura. Sebelum ini rakyat China sukar mendapat visa kerana ramai daripada mereka didapati bekerja dan tinggal secara haram di republik itu. Mungkinkah dengan ini penduduk Cina di Singapura akan bertambah secara mendadak berikutan ketibaan lebih ramai suku-sakat mereka dari tanah besar China.

Namun, Melayu Singapura tetap bertahan juga. Selain memiliki masjid serba guna besar, mereka juga ada madrasah moden dan adalah anak jati yang bangga dengan nenek moyang mereka yang lahir di pulau itu. Lagipun masjid serta madrasah itu mereka bina dengan sumbangan daripada potongan CPF.

Nasib mereka mungkin lebih baik daripada Melayu di Pulau Pinang yang terus diabaikan dan ramai hidup melarat di kawasan setinggan sebelah menyebelah dengan bangunan pencakar langit berupa kondominium didiami penghuni Cina. Di Pulau Pinang, rupa-rupanya, anak 'Mami' lebih beruntung daripada orang Melayu.